



Majlis Sambutan
Ma'al Hijrah

**PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 1446H / 2024M**

1 MUHARAM 1446H | 7 JULAI 2024M (AHAD)

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



**MALAYSIA
MADANI**

Al-Falah Pemacu Malaysia Madani

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:49



Majlis Sambutan
Ma'al Hijrah

**PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 1446H / 2024M**

1 MUHARAM 1446H | 7 JULAI 2024M (AHAD)

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



**MALAYSIA
MADANI**

Al-Falah Pemacu Malaysia Madani

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:49



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
RAJA ZARITH SOFIAH**



Kata Alu-aluan

PERDANA MENTERI

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas nikmat dan kasih sayang-Nya dapat kita bersama dalam majlis yang penuh barakah, menyambut Ma'al Hijrah bagi tahun 1446 Hijri. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan pada tahun ini disambut dengan tema Al-Falah Pemacu Malaysia Madani. Sambutan yang saban tahun diadakan ini bukan sekadar untuk memperingati peristiwa hijrah Rasulullah dan para sahabat dari Kota Mekah ke Kota Madinah, bahkan tujuan utamanya adalah untuk bersama menggarap mengambil ibrah di sebalik falsafah peristiwa hijrah itu sendiri.

Hijrah adalah manifestasi ketaatan Rasulullah SAW bersama para sahabat kepada perintah Allah SWT. Baginda dan para sahabat berhijrah dengan penuh keikhlasan dan keyakinan tanpa rasa takut kepada sebarang ancaman meskipun perlu mengadai nyawa dan harta demi untuk mematuhi perintah Allah SWT. Hikmahnya, hijrah telah membawa kejayaan yang sangat besar (al-Falah) dalam sejarah pengembangan agama Islam.



Bermula daripada hijrah Rasulullah SAW, terlakarnya kejayaan besar dengan tertubuhnya kerajaan Madinah yang dipimpin oleh Rasulullah SAW mengikut acuan Ilahi dengan penuh keamanan, keharmonian dan kesejahteraan bersulamkan nilai perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat. Kepimpinan Baginda ternyata membentuk serta menjelmakan sebuah tamadun. Legasi kepemimpinan Baginda lantas diteruskan oleh generasi para sahabat yang cekap dan berkesan.

Akhirul kalam, umat Islam diseru untuk mengambil ibrah dan mesti menggarapnya secara mendalam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 100:

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعًا كَثِيرًا وَسَعَةً

“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur.”

Justeru, tema Ma'al Hijrah tahun ini “Al-Falah Pemacu Malaysia Madani” ternyata tepat dalam menyemangati falsafah hijrah Rasulullah SAW dalam usaha dan upaya mencipta sebuah Malaysia yang madani dan berketerampilan.





Kata Alu-aluan

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

Didahului dengan lafaz alhamdulillah, diiringi penzahiran pujian hanya bagi Allah SWT atas segala nikmat dan rahmat-Nya. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Rasulullah SAW yang memelopori pengislahan dalam peradaban manusia berpandukan wahyu Ilahi.

حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ ... حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ

Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) digubal bersandarkan falsafah dan semangat "Bersama Mencapai Kejayaan" yang menjadi moto harian fardhu solat oleh umat Islam. Al-Falah bertujuan menjayakan agenda pembaharuan dan pembangunan ummah sejajar dengan aspirasi "Membangun Malaysia MADANI" melalui penglibatan dan sokongan umat Islam di segenap peringkat.

Al-Falah memfokuskan kepada sepuluh bidang yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan bernegara seperti Dasar dan Tadbir Urus; Ekonomi dan Sosial; Perundangan; Pendidikan; dan Nilai Al-Falah menetapkan lima nilai sebagai asas pelaksanaannya iaitu Ilmu, Integriti, Itqan, Istiqamah dan Ikhlas.

Al-Falah diharapkan menjadi satu landasan hala tuju dan gerak kerja kepada semua umat Islam dalam menjayakan visi kesejahteraan "Malaysia MADANI" secara amnya dan penerapan nilai dan menghayati sambutan Ma'al Hijrah 1446H pada kali ini.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ





Kata Alu-aluan

KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

YBHG. DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sempena Sambutan Ma'al Hijrah 1446H, marilah kita mengambil ibrah terhadap peristiwa besar hijrah Rasulullah SAW yang menjadi titik tolak kepada agenda transformasi umat Islam. Bermula dengan ancaman dan ujian perit yang dihadapi oleh Baginda serta para sahabat di bumi Mekah, penghijrahan Baginda ke Madinah membawa satu dimensi baru. Kewujudan Piagam Madinah yang merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia adalah salah satu manifestasi penghijrahan Baginda. Islam merupakan ajaran mulia, menghormati dan toleransi antara satu sama lain menjadikan Baginda diterima oleh semua kelompok masyarakat di Madinah.

Penghijrahan itu adalah *sunnatullah*. Sebagai umat Islam, kita dituntut supaya melakukan perubahan dalam kehidupan, iaitu berubah daripada keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang baik dan juga daripada keadaan yang baik kepada keadaan yang lebih baik lagi. Sentiasa bersedia dan menyusun strategi dalam menghadapi kehidupan yang penuh cabaran, perlu menjadi agenda kehidupan umat Islam. Hijrah bukan sekadar penghijrahan fizikal, tetapi apa yang lebih penting penghijrahan spiritual dan pemikiran supaya menjadi anjakan paradigma untuk mencapai al-Falah demi kebahagiaan yang hakiki di dunia dan akhirat.

Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya melakukan perubahan melalui kalam-Nya, yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah mengkehendaki untuk menimpakan sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya." (Surah al-Ra'd, ayat 11)

Sejajar dengan tema sambutan Ma'al Hijrah Tahun 1446H "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani", marilah kita sama-sama menghayati dan menjiwai konsep al-Falah. Kita bersama mengembalikan kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu dengan konsep dan nilai yang bersifat semasa bermula dengan hijrah.



ULASAN TEMA

AL-FALAH PEMACU MALAYSIA MADANI

Mukadimah

Hijrah dari sudut bahasa bererti meninggalkan (*al-tark*) dan berpindah (*al-intiqal*). Dari sudut syarak, hijrah bererti berpindah dari tempat yang tidak aman ke tempat yang aman, dari negara kufur ke negara Islam dan meninggalkan segala kemungkaran. Antaranya bersandarkan firman Allah SWT dalam surah al-Muddassir: 5, *"Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi (berhijrah)"*. (Abu Safiyyah : 19)

Ini bererti, definisi hijrah bukan tertakluk hanya kepada makna penghijrahan fizikal semata-mata. Rasulullah SAW pernah bersabda, *"Tiada hijrah selepas pembukaan kota Mekah, namun jihad dan juga niat..."* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Kefahaman hadis ini lebih jelas lagi menerusi riwayat lain daripada Mujasyi' bin Mas'ud al-Sulami yang menceritakan bahawa beliau telah mendatangi Nabi SAW untuk berbai'ah demi berhijrah dengan Baginda SAW. Lalu Baginda SAW bersabda, *"Sesungguhnya hijrah telah selesai untuk ahlinya, tetapi (berbai'ah) demi Islam, jihad dan kebaikan"*. (Riwayat Muslim)

Ini menunjukkan bahawa erti kata hijrah itu amat luas malah ia boleh diimplementasikan dalam pelbagai bentuk dan peringkat termasuk dalam merangka polisi dan dasar sesebuah kerajaan. Justeru, amat bertepatan jika semangat Ma'al Hijrah dapat diadaptasikan ke dalam Gagasan Malaysia MADANI yang menjadi dasar kerajaan ketika ini.

Gagasan Malaysia Madani

Sebagaimana maklum, Gagasan Malaysia MADANI diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023. Gagasan ini menepati elemen keterangkuman bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spiritual. Konsep MADANI menitik beratkan urus tadbir masyarakat yang baik bagi mencapai pembinaan peradaban bangsa. Objektif masyarakat MADANI bukan dinilai dari segi kebendaan atau ekonomi semata-mata, namun yang lebih penting adalah kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban.

Selari dengan gagasan tersebut, YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah melancarkan inisiatif Pelan Transformasi al-Falah pada 31 Januari 2023 yang bertujuan bagi menjayakan agenda pembaharuan dan pembangunan ummah sejajar dengan aspirasi "Membangun Malaysia MADANI" oleh YAB Perdana Menteri. Pelan al-Falah terinspirasi daripada semangat *Hayya 'ala-al-Falah* yang mengajak setiap orang Islam untuk bersama menuju kejayaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.



Konsep al-Falah

Secara prinsipnya, konsep al-Falah banyak dibahaskan oleh para sarjana Islam. Istilah al-Falah merangkumi kejayaan kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Menurut al-Qurtubi, al-Falah adalah kemenangan atau kejayaan seseorang yang taat, beramal soleh dan bersih daripada unsur syirik dengan keimanan yang teguh. Menurut Kamal Hassan pula, al-Falah adalah gabungan pembangunan fizikal dan spiritual serta moral yang membentuk keseimbangan dalam mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. (Lihat *Islamization of Human Knowledge. Islamic Economics Education in Southeast Asian Universities*, 13-50)

Allah SWT memberi jaminan dalam al-Quran dengan menggariskan tujuh kriteria yang boleh membentuk al-Falah dalam diri seseorang iaitu beriman dengan Allah SWT, para Rasul dan hari akhirat, khusyuk dalam solat dengan patuh dan takut kepada Allah SWT, menjauhi perkataan keji, maksiat serta perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat sebagai medium penyucian jiwa, memelihara kehormatan, menunaikan amanah serta janji dan memelihara solat dengan sempurna. Ketujuh-tujuh kriteria al-Falah ini akan diganjar dengan ganjaran syurga tertinggi di hari Akhirat kelak.

Dalam konteks ini, pembangunan ummah yang berteraskan konsep al-Falah perlu disemai, digarap, dihayati dan dicapai bagi merealisasikan Gagasan Malaysia MADANI. Sebagaimana termaktub dalam Pelan Al-Falah, lima (5) teras utama akan difokuskan bagi mencapai hasrat membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang unggul.

Pentadbiran Islam Mampan

Pentadbiran Islam merujuk kepada konsep *siyasah syar'iyah* dalam tadbir urus sesebuah negara. *Siyasah* disyariatkan bertujuan untuk mengatur, mengurus dan mentadbir manusia secara bijaksana. Ini sebagaimana dijelaskan oleh Abdul Wahhab Khallaf bahawa *siyasah syar'iyah* itu adalah urusan-urusan pentadbiran sebuah negara Islam dari sudut undang-undang, polisi dan sistem yang bertepatan dengan usul agama Islam walaupun tiada nas syarak yang menyatakannya secara spesifik. (Lihat *al-Siyasah al-Syar'iyah*, 6-7)

Hukum hakam dalam kategori ini bersifat fleksibel dan syarak tidak memutuskannya secara terperinci. Sebaliknya hukum hakam dalam kategori ini diserahkan kepada ijtihad dan kebijaksanaan pemerintah berdasarkan kepentingan dan keadaan umat Islam. Ini berdasarkan kaedah :

تَصَرَّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالمَصْلَحَةِ

Maksudnya : Urus tadbir pemerintah ke atas rakyat hendaklah terikat dengan masalah. (Lihat *al-Asybah wa al-Nazair li al-Suyuti*, 121)

Para ulama menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan pihak pemerintah wajib didasari dengan masalah dan kebaikan untuk masyarakat umum seluruhnya; iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut Syarak. (Lihat *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, 2/308; *Durar al-Hukkam*, 1/57-58)





Sebesar-sebesar maslahat syariat serta maqasidnya adalah pelaksanaan segala tuntutan darurat yang lima (5) (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta). Dengannya akan terhasillah pemeliharaan keamanan, pengawasan undang-undang dan stabil jiwa serta masyarakat. (Lihat *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* oleh al-Syatibi, 2/299)

Sebagai kesimpulannya, pentadbiran Islam yang mampan adalah efektif governan moden yang berteraskan konsep *siyasah syar'iyah*. Ia suatu pengendalian urusan ummah mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang menepati kehendak syarak bagi memenuhi kepentingan manusia dan keperluan mereka. Perkara yang paling utama di dalam *siyasah* ialah masalah atau kepentingan orang ramai dan penyediaan keperluan hidup mereka.



Kesejahteraan Insan

Dalam konteks kemanusiaan, Rasulullah SAW menjadi model dalam mengangkat *ukhuwwah insaniyyah* atau persaudaraan kemanusiaan. Baginda SAW berusaha menghapuskan apa jua bentuk diskriminasi atas nama agama, bangsa, warna kulit mahupun keturunan. Baginda SAW bersabda :

"Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas a'jam (yang bukan Arab), atau a'jam ke atas arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan". (Riwayat Ahmad)

Ini menunjukkan, Islam merupakan agama yang terbangun di atas prinsip memuliakan manusia atau *takrim al-insan*, berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 70 :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ

Maksudnya, *"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam."*

Ini selari dengan Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 11 yang menyatakan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), iaitu tidak mengembangkannya kepada penganut beragama Islam. Demikian juga Perkara 12 yang memberikan hak asasi untuk semua warganegara mendapat pendidikan tanpa sebarang diskriminasi sama ada atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.

Hal ini sesungguhnya selaras dengan firman Allah SWT agar kita sentiasa berlaku adil walaupun kepada golongan yang tidak seagama. Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 :

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ
مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan memberikan sumbangan harta kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil...".

Sekiranya diteliti dan ditelusuri prinsip-prinsip asas dan *maqasid kulliyah* yang terkandung dalam nas-nas syarak, maka akan terserlah kejelasan konsep kemanusiaan menurut Islam. Bahkan, syariat Islam yang bersifat *rabbaniyyah* telah meletakkan asas-asas penting dari sudut hubungan kemanusiaan dalam Islam.

Berdasarkan asas-asas kemanusiaan yang dinyatakan di atas, Islam merupakan agama yang membawa risalah 'alamiyyah (universal) bertujuan menyalurkan kesejahteraan yang seimbang dan kebahagiaan lestari serta berkekalan. Sehubungan itu, para ulama Islam telah menggagaskan suatu disiplin ilmu dikenali sebagai *fiqh al-ta'ayush*, iaitu tatacara kehidupan bersama antara golongan Islam dan bukan Islam dalam keadaan harmoni dan aman dalam sebuah negara berasaskan konsep *muwatanah* (kewarganegaraan).

Kesimpulannya, kerencaman bangsa dan agama yang telah wujud sejak awal penubuhan negara ini sepatutnya menjadikan warganya sebuah

masyarakat multi-etnik yang matang dan berjiwa besar. Prinsip-prinsip persefahaman yang menjadi tonggak perpaduan rakyat dan keamanan negara sebagaimana yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu perlu dipertahankan dan dipelihara sampai bila-bila.

Kemuliaan Syariah

Baginda Rasulullah SAW datang dengan membawa suatu peraturan hidup atau syariat yang sempurna. Ia bukan akal manusia tetapi bersumberkan wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada penutup segala Nabi. Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah ayat 18 :

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ
الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya, "Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)."

Menurut al-Sa'di, berdasarkan ayat di atas, pelaksanaan kepada syariat itu akan menjamin kebahagiaan abadi, kebaikan dan kejayaan. (Lihat *Tafsir al-Sa'di*, 777) Maka dapat difahami, di sebalik syariat itu tersirat objektif atau matlamat demi memelihara kemaslahatan umat manusia yang dikenali sebagai *Maqasid Syariah*. Ia terbina di atas lima asas yang menjadi keperluan setiap manusia iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Sifat sejagat Maqasid Syariah amat bersesuaian dijadikan sebagai asas kerangka strategik dalam mengurus pentadbiran dan keperluan rakyat tanpa mengira sempadan agama dan bangsa. Prinsip Berasaskan Nilai (*Value-based Principles*)





seperti keutamaan (*aulawiyat*) dalam tindakan dan memberi ruang kepada penambahbaikan (*islah*) yang terkandung dalam *Maqasid Syariah* mampu menjadi wahana yang ampuh dalam menghasilkan impak terbaik bagi menangani isu-isu tadbir urus, kemanusiaan, keadilan, kesihatan, ekonomi dan pelbagai lagi.

Justeru, umat Islam disaran berpegang teguh kepada Syariat Islam yang syumul dan memiliki ciri-ciri yang unggul seperti kesederhanaan (*wasatiyyah*), tidak terlampau rigid (ekstrem) dan tidak terlampau longgar (liberal), di samping mendukung penuh segala usaha pemerintah untuk merealisasikan pelaksanaan syariat Islam di dalam negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Kepimpinan Berdaya Cipta

Bagi menjamin kekal berdaya saing, sesebuah negara memerlukan sebuah kepimpinan yang berdaya cipta. Secara realiti, hampir mustahil untuk membentuk sebuah kepimpinan yang sempurna selain daripada kepimpinan yang ditunjukkan oleh para nabi dan rasul. Namun demikian, syarak telah meletakkan syarat kepimpinan yang jelas iaitu *al-Qawi* dan *al-Amin*.

Al-Qawi dalam bahasa moden boleh diterjemahkan sebagai kompeten. Seorang pemimpin yang kompeten adalah pemimpin yang memiliki kekuatan sama ada dari sudut fizikal, spiritual, intelektual, kemampuan, kemahiran, pengalaman, dan kebijaksanaan dalam menjalankan amanah, sesuai dengan amanah yang dipikul.

Manakala *al-Amin* pula adalah integriti. Sifat kedua ini bahkan lebih utama dan perlu menjadi pelengkap kepada sifat pertama. Negara yang

ditadbir pemimpin yang memiliki kompetensi tanpa integriti bakal merosakkan masa depan anak bangsa. Begitu juga negara yang ditadbir oleh pemimpin yang berintegriti tanpa kompetensi, tidak akan ke mana-mana.

Kedua-dua sifat ini terakam dalam kisah Nabi Musa dan Nabi Shuaib sebagaimana yang dirakamkan dalam surah al-Qasas ayat 26, firman Allah SWT :

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُمَا إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Maksudnya: "Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah (Shuaib), ambillah dia (Musa) bekerja, Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kompeten, lagi berintegriti."

Justeru, dalam melahirkan kepimpinan yang berdaya cipta, generasi belia perlu diberikan ruang yang sewajarnya. Golongan belia perlu dibangun berpaksikan landasan akidah, syariah dan akhlak. Kekuatan fizikal dan intelektual yang ada pada golongan belia hendaklah selari dengan kekuatan spiritual agar negara dapat membina suatu peradaban yang cemerlang dan mampan. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 22:

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۖ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "Dan ketika Yusuf sampai ke peringkat umurnya yang sempurna kekuatannya, Kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan; dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Melalui ayat tersebut, dapat difahami bahawa definisi belia menurut gambaran yang dibawa oleh Nabi Yusuf as sebagai seorang belia yang bijaksana serta berilmu dan sempurna akal serta tubuh badannya. Menurut Islam, belia terbaik adalah mereka yang teguh dalam mentauhidkan Allah SWT, sentiasa beriltizam dengan hukum syarak dan berakhlak mulia.

Kehormatan Institusi Islam

Perkara 3 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Berdasarkan Fasal (2) dan Fasal (5) Perkara 3 Sultan Negeri-Negeri menjadi Ketua Agama Islam di Negeri masing-masing dan Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) menjadi Ketua Agama Islam di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah-Wilayah Persekutuan. Kedudukan istimewa Islam sebagai agama utama dan dominan turut dikukuhkan melalui fasal (1) dan fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Ini bermakna, penubuhan pelbagai institusi Islam seperti Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti, Pusat Pungutan Zakat, institusi wakaf, masjid, madrasah dan sekolah agama serta lain-lain adalah berasaskan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam. Semestinya dalam mentadbir hal ehwal agama, Raja-Raja selaku Ketua Agama Islam memerlukan institusi yang boleh membantu baginda melaksanakan pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri dan persekutuan.

Sehubungan dengan itu, sebarang tindakan YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja dalam menjalankan kuasa prerogatifnya untuk memperkenalkan apa jua urusan yang berkaitan dengan agama Islam termasuk dalam menubuh dan mengangkat institusi Islam, hendaklah dipatuhi dan dihormati oleh seluruh rakyat. Mana-mana tindakan penghinaan terhadap agama Islam dan institusi Islam, akan dianggap sebagai ketidaksetiaan dan ketidakhormatan terhadap kedudukan YDPA dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja.

Justeru, sebagai warganegara Malaysia, kita berkewajipan mengangkat, mempertahankan dan menghormati kedudukan institusi Islam selaras dengan prinsip Rukun Negara iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dan “Keluhuran Perlembagaan”.

Penutup

Berdasarkan lima (5) teras yang dihuraikan di atas, dapat disimpulkan bahawa Gagasan Malaysia MADANI yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri mampu untuk dicapai dengan cemerlang dan gemilang sekiranya konsep al-Falah benar-benar difahami, dihayati dan diimplementasikan. Sebaliknya kalimah “Ma’al Hijrah” hanya akan menjadi slogan semata-mata sekiranya kelima-lima teras yang dinyatakan tidak dijadikan panduan dan pedoman. Ini kerana kesemua teras itu bukanlah perkara baru yang direkayasa sebaliknya merupakan kefahaman yang diekstrak daripada nas al-Quran, al-Sunnah dan sirah Nabi SAW.

Akhir kata, jika kelima-lima teras yang ada ini benar-benar dihayati dan dipraktikkan, maka tidak mustahil tema Ma’al Hijrah bagi tahun 1446H ini, iaitu “Al-Falah Pemacu Malaysia Madani” akan dapat direalisasikan.





Warna biru
bermakna persaudaraan

Warna merah
bermakna semangat
pengorbanan

Warna kuning
bermakna keagungan

Warna putih
bermakna fitrah manusia
yang suci dan bersih



Huruf ﷲ bermakna Hijrah

Bulatan melambangkan glob dunia. Ia dilingkari sarang labah-labah yang mengungkit peristiwa dramatik dan mendebarakan, iaitu ketika Rasulullah SAW bersama sahabat karibnya Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq bersembunyi di dalam gua ketika berhijrah dari Mekah ke Madinah.

PENGERTIAN LOGO MA'AL HIJRAH

Peristiwa Rasulullah SAW bersama-sama Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq berhijrah dari Kota Mekah ke Kota Madinah sebagaimana yang dilambangkan dengan sarang labah-labah dalam logo di atas merupakan kemuncak penghijrahan kaum Muhajirin yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah tamadun manusia. Ini dilambangkan dengan huruf berwarna merah. Peristiwa tersebut merupakan suatu ikatan yang memecahkan tembok bangsa, kaum, kabilah dan adat resam. Ini dilambangkan dengan huruf berwarna biru.

Pengorbanan yang besar kerana agama dan perpaduan umat Islam telah mencetuskan keagungan Islam dan umatnya yang seterusnya membawa cahaya kemajuan dan tamadun ke seluruh dunia. Ini dilambangkan dengan warna kuning yang meliputi bulatan bumi (glob).

SEPINTAS LALU
MAJLIS SAMBUTAN MA'AL HIJRAH 1445H / 2023M



SEPINTAS LALU MAJLIS SAMBUTAN MA'AL HIJRAH 1445H / 2023M



Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan

Tahun 1445H / 2023M

PROF. DATUK DR. ABDUL MONIR BIN YAACOB



Dilahirkan pada 7 September 1946 di Mengkarak, Bera, Pahang.
Merupakan mantan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 2002 sehingga tahun 2005.

Sumbangan

Penjelasan tentang hukum hudud di TV1 atas permintaan Menteri Penerangan (1996).

Pembentangan kertas kerja bagi pihak Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim di Harvard University pada tahun 1997.

Mengadap dan menyembah maklum bagi pihak SUHAKAM ke sisi Seri Paduka Baginda YDPA XII, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail berhubung keadaan banduan Islam yang menghadapi masalah menunaikan solat kerana mereka hanya dibenarkan memakai kemeja-T putih dan berseluar pendek yang tidak menutup aurat.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan JPM, beliau telah menemui Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Bakri Omar mencadangkan supaya pegawai polis wanita digalakkan memakai tudung (2002).

Anugerah

- ☞ 1993 : (DIMP) Darjah Indera Mahkota Pahang
- ☞ 1995 : (KMN) Bintang Kesatria Mangku Negara
- ☞ 2006 / 1427: Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Pahang
- ☞ 2015 : Amb Advisory Award
- ☞ 2016 : Anugerah Buku Negara, Buku Kajian Ilmiah Terbaik Peringkat Persekutuan
- ☞ 2023 : (PJN) Darjah Panglima Jasa Negara



Tokoh Ma'al Hijrah Antarabangsa

Tahun 1445H / 2023M

SHEIKH ABUBAKR AHMAD AKA, KHANTAPURAM A.P ABOOBACKER MUSLIYAR



Dilahirkan pada 22 Mac 1931 di Calicut, Kerala, India.
Berumur 93 Tahun.

Jawatan

Mufti Besar India
Setiausaha Agung, Seluruh India Sunni Jam-iyathul Ulama, (Pertubuhan Ulama Islam India)
Presiden, Kerala Muslim Jamaath
Ketua Penaung, Lembaga Pendidikan Islam India
Ketua Penaung, Persatuan Ideal untuk Pendidikan Minoriti
Setiausaha Agung, Samastha Kerala Sunni Jam-iyathul Ulama
Pengerusi, *Siraj Daily News*

Perwakilan Antarabangsa

- ☞ Ahli, Institut Pemikiran Islam Aal al-Bayt Diraja, Jordan
- ☞ Ahli, Pihak Berkuasa Am Majlis Fatwa Seluruh Dunia, Mesir
- ☞ Ahli, *Muslim Elders Council UAE*
- ☞ Ahli *The World Muslim Communities Council, UAE*
- ☞ *Signatory, A Common Word Between Us & You*

Bidang ilmu

Mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran dan al-Hadis (terutama Kitab Sahih Bukhari),
Sains Spiritual, Sejarah Islam dan Perundangan Islam.



Keistimewaan

Mampu berdakwah merentasi budaya, kasta, bahasa dan pelbagai lapisan masyarakat.

Beliau adalah seorang Profesor Maven Sahih al- Bukhari yang menulis ulasan yang luas tentang teks bernama 'Tadkirul Qari fi Sharahi al-Sahih Al Bukhari'.

Sheikh Abubakr mempunyai 2.5 juta pengikut organisasi pelajar dan belia seluruh India. Beliau telah menubuhkan pelbagai pertubuhan yang dinamakan Sunni Students Federation.

Perwakilan kepada Muslim minoriti di India.

Seorang Reformist Komuniti India.

Companion of Arab World.

Sumbangan

Beliau telah mengasaskan Jamia Markaz yang ditubuhkan pada 1978 di mana ia memberi perkhidmatan pendidikan dan kemanusiaan. Ia mempunyai lebih daripada 130 institusi dalam pelbagai cabang ilmu di dalam dan luar India. Jamia Markaz merupakan pusat akademik yang terbesar di Asia.

Beliau juga merupakan Pengerusi Perbadanan kepada 300 buah sekolah CBCE di India.

Beliau memperkenalkan sistem universiti terbuka yang mempunyai kurikulum yang unik.

Penerbitan

Beliau telah mengarang dan menerbitkan lebih 45 buah buku mengenai pelbagai topik dalam bahasa Arab, Urdu, Inggeris & bahasa Malayalam, dan memiliki warisan teks ulasan Sahih Al Bukhari.

Beliau juga merupakan Pengerusi salah satu akhbar Malayalam yang terbesar, The Siraj Daily, yang mempunyai edisi dari India, UAE dan Oman. Sheikh Juga menaungi majalah dalam bahasa Malayalam, iaitu Risala, Sunni Voice dan Sunnath.



Lagu Tema Ma'al Hijrah

Satu Muharam Detik Permulaan
Perkiraan Tahun Islam Hijrah
Perpindahan Nabi dan Umat Islam
Dari Kota Mekah ke Kota Madinah

Atas Keyakinan dan Iman Yang Teguh
Kaum Muhajirin dan Ansar Bersatu
Rela Berkorban Harta dan Nyawa
Demi Menegakkan Islam Tercinta

Hijrah Itu Pengorbanan
Hijrah Itu Perjuangan
Hijrah Itu Persaudaraan
Hijrah Membentuk Perpaduan

Oleh Itu Mari Semua
Kita Sambut Ma'al Hijrah
Tingkatkan Semangat Tegakkan Syiar Islam
Untuk Sepanjang Zaman



Atur Cara Majlis

8.30 pagi

- ☞ Ketibaan Kontinjen

9.30 pagi

- ☞ Ketibaan Dif-dif Kenamaan

9.40 pagi

- ☞ Ketibaan YAB Timbalan-timbalan Perdana Menteri dan isteri

9.50 pagi

- ☞ Ketibaan YAB Perdana Menteri dan isteri

10.00 pagi

- ☞ Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
- ☞ Negaraku
- ☞ Bacaan Doa
- ☞ Tausiyah Khas Hijrah
- ☞ Sembah Ucapan Menjunjung Kasih oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- ☞ Titah Diraja
- ☞ Pengumuman Tokoh Ma'al Hijrah Tahun 1446H / 2024M
- ☞ Persembahan Video Tokoh
- ☞ Upacara pengurniaan Tokoh Ma'al Hijrah Tahun 1446H / 2024M
- ☞ Persembahan Khas Hijrah
- ☞ Negaraku

11.15 pagi

- ☞ Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong meninggalkan majlis
- ☞ YAB Perdana Menteri dan isteri meninggalkan majlis
- ☞ YAB Timbalan-timbalan Perdana Menteri dan isteri meninggalkan majlis
- ☞ Majlis bersurai



Senarai Nama Penerima Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan



Senarai Nama Penerima Tokoh Ma'al Hijrah Antarabangsa

1445H / 2023M

SHEIKH ABUBAKR AHMAD AKA,
KHANTAPURAM A.P ABOOBACKER MUSLIYAR

1430H / 2008M

PROF. DR. WAHBAH MUSTAFA AL-ZUHAILI

1431H / 2009M

PROF. DR. YUSUF ABDULLAH AL-QARADHAWI

1433H / 2011M

DR. FOUAD ABDUL SALAAM MUHAMMAD AL-FARSI

1435H / 2013M

DR. ZAKIR ABDUL KARIM NAIK

1441H / 2019M

SYEIKH ABDULLAH AL-MAHFOUDH BAYYAH

1444H / 2022M

H.E. OKHNA DATUK DR. OTHSMAN BIN HASSAN

1443H / 2021M

AS-SYEIKH DR. MUHAMMAD ABDUL KARIM
AL-ISSA

1442H / 2020M

SYEIKH PROF. DR. AHMAD MUHAMMAD AL-TOYYIB

TAHUN
1430H / 2008M
HINGGA
1445H / 2023M



Doa Akhir Tahun

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اَللّهُمَّ مَا عَمِلْنَا فِي هَذِهِ
السَّنَةِ مِمَّا نَهَيْتَنَا عَنْهُ فَلَمْ نَتُبْ مِنْهُ، وَلَمْ تَرْضَهُ وَلَمْ تَنْسَهُ
وَحَلِمْتَ عَلَيْنَا بَعْدَ قُدْرَتِكَ عَلَى عُقُوبَتِنَا إِلَى التَّوْبَةِ مِنْهُ بَعْدَ
جَرَائِئِنَا عَلَى مَعْصِيَتِكَ، فَإِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ فَاغْفِرْ لَنَا، وَمَا
عَمِلْنَا مِمَّا تَرْضَاهُ، وَوَعَدْتَنَا عَلَيْهِ الثَّوَابَ، فَنَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ يَا
كَرِيمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، أَنْ تَتَقَبَّلَهُ مِنَّا وَلَا تَقْطَعْ رَجَاءَنَا
مِنْكَ يَا كَرِيمُ. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Makna Doa Akhir Tahun Hijrah

Ya Allah, apa-apa tegahan dan larangan-Mu yang kami lakukan sepanjang tahun ini dan kami belum bertaubat daripadanya sedangkan Engkau tidak lupa dan tidak meredhainya, Engkau juga telah berlemah-lembut kepada kami sedangkan Engkau berkuasa memaksa kami bertaubat daripada perbuatan maksiat yang sengaja kami lakukan, maka sesungguhnya kami memohon keampunan-Mu. Apa-apa perbuatan kami sepanjang tahun ini yang Engkau redhai dengan pemberian pahala yang Engkau janjikan, maka dengan kemuliaan dan kebesaran-Mu, kami memohon dan berharap menerimanya, dan janganlah Engkau hampakan harapan kami kepada-Mu. Amin ya Rabbal 'alamin



Doa Awal Tahun

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ. اَللّهُمَّ أَنْتَ الْأَبَدِيُّ الْقَدِيمُ الْأَوَّلُ وَعَلَى فَضْلِكَ
الْعَظِيمِ وَجُودِكَ الْمُعْوَلِ، وَهَذَا عَامٌ جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ عَلَيْنَا
نَسْأَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَوْلِيَاءِهِ
وَجُنُودِهِ، وَالْعَوْنَ عَلَى هَذِهِ النَّفْسِ اللَّامَّارَةِ بِالسُّوءِ
وَالِإِشْتِغَالِ بِمَا يُقَرِّبُنَا إِلَيْكَ زُلْفَى. اَللّهُمَّ يَا مُحَوِّلَ الْأَحْوَالِ
حَوِّلْ حَالَنَا إِلَى أَحْسَنِ الْأَحْوَالِ بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ يَا عَزِيزُ يَا
مُتَعَالٍ. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ



Makna Doa Awal Tahun Hijrah

Ya Allah Yang Kekal Abadi, dengan limpah kurnia dan kemurahan-Mu pada tahun baharu yang menjelang tiba ini, kami memohon pemeliharaan dan perlindungan-Mu daripada syaitan yang direjam dan semua pengikut serta pembantu-pembantunya. Kami memohon pertolongan-Mu mengatasi nafsu yang sentiasa mendorong kepada kejahatan, dan bantulah kami melakukan segala perkara yang memungkinkan kami mendampingi-Mu. Ya Allah Tuhan Yang Maha Berkuasa mengubah segala keadaan, dengan kekuasaan-Mu Yang Maha Agung, ubahkanlah keadaan kami kepada sebaik-baik keadaan. Amin ya Rabbal 'alamin

Jawatankuasa Induk

Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar, JAKIM

Jawatankuasa Pelaksana

BIL	JAWATANKUASA	KEMENTERIAN
1.	Jawatankuasa Media dan Publisiti	Kementerian Komunikasi
2.	Jawatankuasa Sambutan VVIP, VIP dan Protokol	Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA)
3.	Jawatankuasa Keselamatan dan Lalu Lintas	Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya
4.	Jawatankuasa Promosi Khas	TV AlHijrah
5.	Jawatankuasa Penerbitan Buku Atur Cara	Jabatan Penerangan Malaysia
6.	Jawatankuasa Kesihatan dan Perubatan	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan & Kuala Lumpur & Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Wilayah Persekutuan Putrajaya
7.	Jawatankuasa Persembahan Khas	Istana Budaya
8.	Jawatankuasa Penerbitan Khas	Bahagian Penerbitan, JAKIM
9.	Jawatankuasa Pemilihan Tokoh	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) , Bangi
10.	Jawatankuasa Perhimpunan dan Perjalanan Majlis	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar, JAKIM
11.	Jawatankuasa Jemputan VVIP & VIP	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar, JAKIM
12.	Jawatankuasa Jemputan Kontinjen	Bahagian Dakwah, JAKIM
13.	Jawatankuasa Jamuan dan Keraian	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
14.	Jawatankuasa Substantif	Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM
15.	Jawatankuasa Persiapan Pentas dan Siaran Langsung	Bahagian Penyiaran, JAKIM
16.	Jawatankuasa Hadiah dan Cenderamata	Bahagian Penyelidikan, JAKIM
17.	Jawatankuasa Pengangkutan dan Logistik	Bahagian Khidmat Pengurusan, JAKIM
18.	Jawatankuasa Sambutan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM
19.	Jawatankuasa Kewangan	Bahagian Kewangan, JAKIM



Sekalung Penghargaan

- ISTANA NEGARA
- JABATAN PERDANA MENTERI
- KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- KEMENTERIAN KOMUNIKASI
- KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
- KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
- MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
- JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
- JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
- POLIS DIRAJA MALAYSIA
- ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
- ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
- MASJID PUTRA
- ISTANA BUDAYA
- JABATAN KERJA RAYA
- JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
- PUSAT SAINS NEGARA
- PLANETARIUM NEGARA
- PETROSAINS
- PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
- RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
- TV ALHIJRAH
- MAX COSPLAY OF JDT
- RADIO IKIMFM
- ZAYAN
- SALAMFM
- NASIONALFM
- MINNALFM
- ASYIKFM
- AIFM
- TRAXXFM
- KLFM
- BERNAMA RADIO



Diterbitkan oleh Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat
Kebangsaan Tahun 1446H / 2024M
B.007(B.M) JULAI 2024 (0.500)



Nota





مجلس سمبوتن

مع الهجرة

قريشكت كبشسان تاهون 1446 هـ / 2024 م

ا محرم 1446 هـ | 7 جوالي 2024 م (احد)

قوست كونوينشن انتارابشسا قوتراجاي (PICC)



MALAYSIA
MADANI

البلاد قماجو ملبسيا مدني

Directak dānpāda e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 06:09:49